

26/06/2003

Setiausaha Agung OIC kagum Pusat Konvensyen Putrajaya

PUTRAJAYA: Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Abdel Wahid Belkeziz kagum dengan kecanggihan dan keindahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang akan menjadi lokasi Sidang Kemuncak OIC pada Oktober ini.

Dalam lawatan ke PCC semalam, Dr Abdel Wahid menyatakan kekagumannya dan 'bimbang' jika anggota OIC lain tidak dapat mengekalkan taraf yang sama apabila mengadakan sidang kemuncak OIC pada masa depan.

Ketua Sekretariat Sidang Kemuncak OIC ke-10, Datuk Mohd Yusof Ahmad, berkata Dr Abdel dalam nada seloroh menyatakan beliau bimbang Senegal, anggota OIC selepas Malaysia tidak mampu menyediakan kemudahan seperti PCC.

"Beliau begitu kagum dengan pusat ini dan tidak sabar menghadiri sidang kemuncak OIC akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Dr Abdel yang menghabiskan kira-kira sejam melawat sekitar PCC.

Dr Abdel Wahid bersama tujuh anggota delegasinya tiba di sini semalam dalam rangka lawatan empat hari ke sini.

Beliau akan mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini.

Dr Abdel Wahid adalah Setiausaha Agung OIC yang kelapan. Beliau yang memegang jawatan itu sejak 2001 akan mengakhiri tempohnya tahun depan.

Tunku Abdul Rahman adalah Setiausaha Agung OIC pertama pada 1971 hingga 1973.